

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN LIM HUI YING**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2019**

**SOALAN NO. 80**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah perbelanjaan untuk pengangkutan awam dalam setiap Negeri dari tahun 2013 hingga sehingga 2018

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pengangkutan awam merupakan satu kemudahan serta keutamaan yang diberikan keutamaan oleh pihak Kerajaan. Dari segi jumlah peruntukan, adalah agak sukar untuk memberikan jumlah sebenar peruntukan di setiap negeri memandangkan peruntukan pengangkutan awam merupakan satu usaha sama yang melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.
2. Pada masa ini, terdapat 3 projek pengangkutan awam berskala besar yang sedang dalam pembinaan di Lembah Klang. Projek-projek ini dijangka memberi manfaat pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar jajaran di samping meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang. Contohnya, MRT Sungai Buloh Serdang Putrajaya (SSP) yang dijangka siap pada tahun 2022 akan memberi perkhidmatan di sepanjang koridor berkepadatan 2 juta penduduk bermula dari Sungai Buloh, menerusi Kuala Lumpur ke Putrajaya. Projek LRT3 pula yang menghubungkan Bandar Utama ke Klang, turut akan berintegrasi dengan jajaran MRT SBK di stesen Bandar Utama dan jajaran LRT Kelana Jaya di Stesen Glenmarie. Jajaran LRT3 yang dijangka siap pada tahun 2024 akan meningkatkan kecekapan perjalanan dan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas bagi 2 juta penduduk sepanjang koridor Bandar Utama-Klang yang ingin ke pusat bandar Kuala Lumpur.
3. Pada 15 April 2019, Kerajaan telah mengumumkan untuk meneruskan projek Landasan Keretapi Pantai Timur (*East Coast Rail Link, ECRL*) dengan kos RM44 bilion, dijangka siap pada Disember 2026 dengan penjajaran semula laluan yang akan meliputi bandar-bandar di Selangor, Putrajaya, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

4. Melalui penjimatan kos kepada pengguna pengangkutan awam, Kerajaan telah memperkenalkan Pas Bulanan Tanpa Had iaitu MY100 dan MY50 bagi semua perkhidmatan rel dan bas di bawah RapidKL sejak Disember 2018. Manakala bagi perkhidmatan KTM Komuter di Sektor Lembah Klang, Utara dan Selatan, pengguna boleh menikmati diskaun tambang perjalanan sebanyak 20 peratus melalui penggunaan kad XTRA20 yang telah mula dijual pada harga RM5 di kaunter KTM Komuter sejak 1 April 2019. Ini secara langsung turut mengurangkan kos Rakyat menggunakan pengangkutan awam di Lembah Klang dan pelaksanaan diskaun 20% bagi kadar tambang Komuter juga dijangka akan meningkat prestasi '*load factor*' perkhidmatan KTM Komuter yang belum mencapai potensi penuh terutamanya di sektor Lembah Klang.
5. Bagi memastikan kesalinghubungan pengangkutan awam di kawasan bandar dan petempatan penduduk, Kerajaan juga telah menambahbaik liputan kawasan perkhidmatan pengangkutan awam. Sebagai contoh, Kerajaan telah menambahbaik liputan kawasan perkhidmatan bas percuma GoKL dengan memperkenalkan 3 laluan baru pada tahun 2019 iaitu Laluan Jingga (Titiwangsa-MINDEF), Laluan Merah Jambu (LRT Universiti-PPR Seri Pantai) dan Laluan Biru Firus (LRT Dato'Keramat-Flat Kelumpuk Bambu, Setiawangsa). Kerajaan juga sedang mengkaji perluasan kawasan liputan pengangkutan awam di negeri-negeri lain melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri.
6. Selain itu, untuk tahun 2020, Kerajaan akan meneruskan program ISBSF dan juga SBST dengan kos anggaran sebanyak RM 146 juta.

Sekian, terima kasih.